TENTANG SOLAT

Dihimpunkan oleh :

Panel Penyelidik

Ma'had Tahfiz Al-Quran Al-Imam An-Nawaw

(MATIN)

QADA SOLAT

Soalan : assalamualaikum ustaz,bagaimana hendak qada solat yg telah lama tertinggal? contohya jika ingin qada solat subuh,adakah perlu qada selepas kita selesai slt subuh atau sebelum kita solat subuh pada hari berikutnya? bagaimana pula niat untuk qada solat?

Jawapan ;

Solat qadha harus dilakukan pada bila-bila masa termasuk pada waktu-waktu yang dilarang (yakni selepas solat subuh, selepas asar dan sebagainya). Solat qadha juga tidak terikat dengan waktunya. Kerana itu, harus qadha subuh dilakukan pada waktu zohor, asar atau sebagainya.
Niat solat qadha sama sebagaimana solat tunai, contohnya (jika kita qadha subuh), memadai kita niatkan di dalam hati; "sahaja aku menunaikan solat subuh dua rakaat kerana Allah". Tidak wajib kita meniatkan qadha (solat ganti). Ia hanya disunatkan sahaja.
Wallahu a'lam.

Sumber : Ustaz Ahmad Adnan bin Fadzil

DOA DALAM SUJUD

Soalan:
Assalamualaikum
BAGAIMANAKAH CARANYA KITA BERDOA DIDALAM MASA SUJUD? ADAKAH BULEH KITA MENGELUARKAN SUARA ATAU HANYA BACA DALAM HATI?
Apakah contoh doa?

Jawapan :

Sabda Nabi s.a.w.; "Saat paling hampir seorang hamba dengan Allah ialah ketika dia sujud. Maka banyaklah berdoa ketika sujud" (HR Imam Muslim)
1. Ketika sujud itu harus berdoa dengan apa sahaja doa asalkan yang pohon adalah perkara yang tidak dilarang oleh Syarak. Jika doa itu dalam bahasa Arab, harus ia dilafazkan oleh lidah sekalipun doa itu bukan yang maksur. Cuma hendaklah lafaz itu diperlahankan kerana bacaan ketika sujud tidak sunat diperdengarkan. Adapun dalam bahasa lain tidak harus dilafazkan oleh lidah. Memadai dengan berdoa di dalam hati sahaja kerana bahasa yang diharuskan di dalam solat hanyalah bahasa Arab sahaja.
2. Oleh kerana Nabi s.a.w. menyebutkan sujud di dalam hadis di atas secara umum (tanpa menghadkan pada mana-mana sujud) maka galakan membaca doa ketika sujud itu merangkumi semua sujud di dalam solat.
3. Di antara Doa yang pernah dibaca oleh Nabi s.a.w. di dalam sujudnya ialah;
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ دِقَّهُ وَجِلَّهُ، وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ، وَعَلَانِيَتَهُ وَسِرَّهُ
"Ya Allah, ampunilah dosaku semuanya sama ada yang kecil dan yang besar, yang awal dan yang akhir, yang terang dan yang tersembunyi" (HR Imam Muslim).
اللَّهُمَّ أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ، لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ
"Ya Allah, aku berlindung dengan keredhaanMu dari kemurkaanMu, aku berlindung dengan keampunanMu dari balasanMu. Aku berlindung denganMu dariMu. Tidak terhitung olehku akan pujian yang sepatutnya aku ucapkan untukMu. Engkau adalah sebagaimana yang Engkau sanjungi ke atas diriMU sendiri" (HR Imam Muslim).
Wallahu a'lam.

Sumber : Ustaz Ahmad Adnan bin Fadzil

Hukum Membaca Al Quran Secara Langsung Dari Mushaf (Al Quran) Ketika Solat

Jawapan oleh Profesor Dr Ali Jum'ah (Mufti Mesir) :

Saidatina Aisyah RadiyaLLahu'anhu pernah diimami solatnya oleh seorang maula (budak lelaki yang telah dimerdekakan) miliknya yang bernama Zakwan. Pada saat mengimamkannya itu, dia (Zakwan) membaca dari mushaf.

(Disebutkan oleh Bukhari secara ta'liq (tanpa menyebutkan salah satu atau semua sanad, dan penyebutan dengan kalimah pasif). Sahih Bukhari, vol 1 hlmn 245, Bab Imamat al Abdi wa Al Maula; diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah, Mushannaf Ibnu Abi Syaibah, vol 2, hlmn 123; dan Baihaqi, As Sunan Al Kubra, vol 2, hlmn 253).

Oleh itu, para alim ulama dari Mazhab Syafie dan Mazhab Hambali berpendapat boleh melakukannya.
Pendapat mazhab ini disampaikan oleh Imam Nawawi; beliau berkata, : Seandainya dia membaca Al Quran dari mushaf, tidak batal solatnya, baik dia hafal atau tidak. Malah, wajib baginya melakukan itu (membaca dari mushaf) sekiranya dia tidak menghafal al Fatihah. Seandainya dia membolak-balikkan lembarannya (al Quran) di dalam Solat, tidak batal solatnya.

Demikian dinyatakan oleh Imam Shafie secara nas di dalam Al Imla dan diterapkan oleh para sahabat (ulama' mazhab kami). - Imam Nawawi, Al Majmu', vol 4, hlmn 27.
Syaikh Rahibani mengambil pendapat Imam Ahmad radiyaLLahu 'anhu, beliau berkata, " Boleh bagi orang yang solat (membaca, melihat dan memandang mushaf), iaitu melihat al Quran.

FATWA - FATWA PENTING TENTANG SOLAT

Imam Ahmad berkata "Tidaklah mengapa dia melakukan solat malam (qiyamulail) dengan orang-orang lain dengan dia melihat mushaf." Ditanyakan kepada Imam Ahmad radiyaLLahu anhu. "Bagaimanakah dengan solat fardhu"? Imam Ahmad menjawab, Aku tidak mendengar sedikitpun tentang hal itu.

Az Zuhri pernah ditanya tentang seorang lelaki yang membaca mushaf (ketika di dalam solat) di bulan Ramadhan. Beliau (az Zuhri) menjawab, "Orang-orang yang terpilih (tokoh-tokoh) di antara kami membaca al Quran dari mushaf-mushaf
:. - Syaikh Ar Rahibani, Mathalib Ulin Nuha, vol 1, hlmn 483 dan 484.

Hanya pada kalangan ulama Mazhab Maliki sahaja yang menyatakan hukumnya (membaca mushaf) adalah makrudh ketika sedang solat fardhu atau solat sunat. Sementara pada ulama' Mazhab Hanafi adalah berbeza-beza pendapat di kalangan mereka.

Atas dasar ini, kami berpandangan adalah rajih dan kuatnya pendapat majoriti (kebanyakan) besar pada ulama' bahawa membaca al Quran dari mushaf di dlam solat itu adalah sah dan tidaklah ada dosa padanya (membaca al Quran dari mushaf). Dan ALlah subahanahu wa ta'ala. Yang Maha Tinggi lagi Maha Mengetahui.

Sumber :

Prof Dr Ali Jum'ah, Penjelasan Terhadap Masalah-masalah KhilafiahAl Bayan – Al Qawin li Tashbih Ba'dhi al Mafahim, .2008, Penerbitan Dar Hakamah,

PERKARA-PERKARA BERKAITAN SEMBAHYANG:
PERBEZAAN PEREMPUAN DENGAN LELAKI

بسم الله ، والحمد لله ، والصلاة والسلام على رسول الله ، وعلى آله وصحبه ومن والاه

Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)Sembahyang fardhu lima waktu adalah tuntutan syara' yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang mukallaf. Tidak ada perbezaan antara lelaki mahupun perempuan, baik dari segi tuntutan sembahyang itu mahupun dari segi syarat-syaratnya, rukun-rukunnya dan cara menunaikannya.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan sembahyang ini dikhususkan untuk perempuan yang telah digariskan oleh syara' yang membezakannya dengan lelaki. Perkara-perkara tersebut,antaranya:

i. Azan Dan Iqamah

Disunatkan bagi orang yang hendak mengerjakan sembahyang melakukan azan dan iqamah. **Azan bagi orang yang sembahyang secara bersendirian hukumnya adalah sunat 'ain. Manakala azan bagi mereka yang bersembahyang secara berjemaah hukumnya adalah sunat kifayah.** Walau bagaimanapun, perempuan adalah tidak disunatkan azan samada bagi sembahyang secara bersendirian atau secara berjemaah di kalangan jemaah perempuan dan sekalipun azan itu dilakukan dengan suara yang perlahan. Tidak sah azan seorang perempuan bagi jemaah lelaki dan khuntsa, bahkan berdosa kerana lelaki dan khuntsa haram memandangnya. Dengan perbuatannya melaungkan azan itu menyebabkan pandangan mereka tertumpu kepadanya.

Haram perempuan meninggikan suaranya untuk azan di hadapan lelaki asing (ajnabi) yang bukan mahramnya, sekalipun ketika itu dia bersama mahramnya, begitu juga jika dia meninggikan suaranya untuk azan di hadapan jemaah perempuan dengan adanya lelaki asing (ajnabi). Walau bagaimanapun tidak makruh jika perempuan azan di hadapan jemaah perempuan dengan suara rendah iaitu dengan kadar yang hanya dapat didengar oleh mereka.

Manakala iqamah adalah disunatkan bagi perempuan ketika sembahyang sendirian mahupun jemaah yang didirikan sesama perempuan sahaja dengan suara yang rendah iaitu dengan kadar suara yang hanya dapat didengar oleh mereka.

ii. Aurat Dalam Sembahyang

Menutup aurat termasuk salah satu daripada syarat-syarat sah sembahyang walaupun seseorang itu bersembahyang di dalam gelap. Aurat perempuan yang wajib ditutup di dalam sembahyang adalah berbeza dengan aurat lelaki. **Dalam mazhab Syafi'e aurat perempuan di dalam sembahyang ialah keseluruhan badannya kecuali muka dan kedua tapak tangan.**

Di dalam kitab I'anah ath-Thalibin, al-'Allamah as- Sayyid al-Bakri Rahimahullah ada menyebutkan bahawa aurat bagi perempuan itu ada empat:

a) Ketika bersama lelaki asing (ajnabi), auratnya ialah keseluruhan badan.
b) Ketika bersama mahram atau bersendirian, auratnya ialah antara pusat dengan lutut.
c) Ketika bersama perempuan kafir, auratnya ialah seluruh tubuh badan kecuali apa
yang zahir daripada anggota tubuhnya ketika melakukan pekerjaan.
d) Ketika sembahyang, auratnya ialah keseluruhan badannya kecuali muka

Apa yang dimaksudkan dengan kedua tapak tangan itu termasuklah yang zhahir (belakang tapak tangan) dan yang bathin (perut tapak tangan) dari hujung jari sehinggalah pergelangan tangan.

Manakala maksud kawasan muka, batasnya secara memanjang ialah dari permulaan permukaan dahi hingga bahagian bawah dagu dan batasnya secara melintang ialah kawasan di antara dua cuping telinga.

Kebanyakan ulama Syafi'e mensyaratkan hendaklah pakaian itu menutupi seluruh anggota aurat. Adapun syarat pakaian yang dipakai untuk menutup aurat tersebut hendaklah pakaian yang boleh menghalang daripada terlihat warna kulit. Tidak memadai menutup aurat dengan pakaian yang nipis dan jarang iaitulah pakaian yang menampakkan kulit dan bayang susuk tubuh badan.

Menurut Imam asy-Syirazi Rahimahullah, adalah disunatkan bagi perempuan untuk bersembahyang dengan memakai pakaian yang terdiri daripada penutup kepala dan leher dari kain yang tebal, memakai baju yang labuh atau jubah yang menutup seluruh badan hingga hujung kaki serta kain tebal yang menutup pakaian tersebut.

Dalam sebuah atsar yang disebutkan di dalam Sunan Abi Daud, Ummu Salamah Radhiallahu 'anha pernah ditanyakan tentang pakaian perempuan ketika sembahyang lalu beliau menjawab:

تُصَلِّي فِي الْخِمَا ِر وَالدِّرْ ِع السَّاب ِغ الذي يُغَيِّبُ ظُهُورَ قَدَمَيْهَا

Maksudnya: "Seorang perempuan bersembahyang dengan memakai kain tutup kepala dan pakaian panjang yang dapat menutup kedua tapak kakinya."

Disunatkan juga bagi perempuan untuk menebalkan baju atau jubah yang dipakainya sehingga tidak menampakkan anggota-anggotanya dan merenggangkan kain tebal yang dipakainya di sebelah luarnya daripada badannya ketika ruku' dan sujud sehingga tidak menampakkan pakaiannya di sebelah dalam.

Berdasarkan keterangan di atas, maka wajib bagi seseorang itu bersembahyang dengan memakai pakaian yang benar-benar menepati apa yang telah digariskan oleh syara', iaitu tidak menampakkan warna kulit dan bayang susuk tubuh badan. Sebaiknya pakailah telekung yang labuh dan tebal ataupun memakai pakaian tebal di sebelah dalam jika telekung yang digunakan itu nipis atau jarang.

iii. Saf Sembahyang

Jumhur ulama berpendapat bahawa disunatkan bagi makmum meluruskan saf -saf mereka ketika sembahyang berjemaah, bagi mengisi kekosongan yang terdapat di dalam saf dan
menyamaratakannya sebagaimana sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

Maksudnya: "Luruskanlah saf-saf kamu, kerana sesungguhnya meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan sembahyang". (Hadis riwayat Muslim)

Disunatkan para jemaah untuk memenuhi saf yang pertama dahulu kemudian barulah diikuti dengan saf kedua dan seterusnya. Saf yang pertama dimaksudkan di sini ialah saf yang pertama di belakang imam.

Bagi golongan perempuan, jika sembahyang dalam jemaah yang hanya terdiri daripada imam dan jemaah perempuan sahaja, maka disunatkan untuk memenuhi saf yang pertama kemudian diikuti dengan saf-saf seterusnya.

Adapun jika mereka sembahyang dengan jemaah yang terdiri daripada orang lelaki dan perempuan tanpa ada pembatas antara jemaah lelaki dan perempuan, maka saf yang lebih afdhal bagi perempuan adalah saf yang akhir.

Untuk lebih jelas mengenai dengan saf perempuan ketika bejemaah, diterangkan susunan saf-saf di dalam sembahyang seperti berikut:-

a) Apabila yang hadir berjemaah itu terdiri daripada golongan lelaki yang baligh, kanak-kanak lelaki, khuntsa (orang-orang yang tidak diketahui jantinanya adakah lelaki atau perempuan kerana memiliki alat kemaluan lelaki dan perempuan atau tidak memiliki alat kemaluan lelaki dan perempuan) dan golongan perempuan, maka didahulukan golongan lelaki yang baligh kemudian kanak-kanak lelaki kemudian khuntsa dan barulah diikuti oleh golongan perempuan.

b) Apabila yang hadir berjemaah itu terdiri daripada golongan lelaki yang baligh, seorang khuntsa dan seorang perempuan, maka didahulukan golongan lelaki, kemudian khuntsa tersebut berdiri seorang diri di belakang golongan lelaki dan kemudian diikuti oleh perempuan tersebut berdiri seorang diri di belakang khuntsa tersebut.

c) Apabila yang hadir berjemaah itu terdiri daripada seorang kanak-kanak lelaki, seorang khuntsa dan seorang perempuan, maka kanak-kanak tersebut berdiri di sebelah kanan imam, kemudian diikuti oleh khuntsa di belakang keduanya dan barulah perempuan tersebut di belakangnya.

d) Apabila jemaah yang hadir terdiri daripada golongan perempuan, maka disunatkan bagi imamah (imam perempuan) berdiri di tengah-tengah saf bersama jemaah perempuan, akan tetapi ke hadapan sedikit untuk membezakan dirinya dengan para makmum. Apabila yang hadir berjemaah hanya seorang perempuan disunatkan baginya berada di sebelah kanan imamah (imam perempuan), tetapi hendaklah ke belakang sedikit daripada imamah.

i. Cara Mengangkat Tangan Ketika Takbirah al-Ihram Dan Takbir al-intiqalat

Takbirah al-ihram ialah mengucapkan “الله أكبر” pada permulaan sembahyang dan merupakan salah satu daripada rukun sembahyang. Ia dilakukan beriringan dengan niat sembahyang.
Diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: "Apabila engkau berdiri untuk sembahyang, maka bertakbirlah." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Takbir al-intiqalat pula ialah mengucapkan " “الله أكبر” pada setiap kali hendak melakukan ruku' dan sujud, dan ketika hendak bangkit daripada sujud dan tasyahhud awwal. Mengangkat kedua tangan ketika takbirah al-ihram, ketika hendak ruku' dan ketika bangun daripadanya serta ketika bangkit dari tasyahhud awwal adalah disunatkan. Perbuatan sedemikian adalah sebagai mengagungkan kebesaran Allah Ta'ala, mencontohi perbuatan Rasulullah SAW dan memohon ganjaran pahala daripada Allah Ta'ala.

Inilah jawapan Imam asy-Syafi'e Rahimahullah ketika beliau ditanyakan tentang perbuatannya mengangkat kedua tangan ketika hendak ruku' dan sujud. Cara mengangkat kedua tangan yang disunatkan pula ialah dengan mengangkat kedua tangan separas bahu iaitu sekira-kira hujung jari sejajar dengan atas telinga dan kedua ibu jari pula sejajar dengan bawah telinga serta kedua telapak tangan dihadapkan ke kiblat dan jari-jari dipisah-pisahkan dengan jarak yang sederhana.

Menurut ulama mazhab Syafi'e, tidak ada perbezaan cara mengangkat kedua tangan yang disunatkan ketika takbirah alihram dan takbir al-intiqalat antara lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun, Imam asy-Syafi'e Rahimahullah mengatakan bahawa adalah lebih disukainya bagi seorang perempuan itu ketika sujud untuk merapatkan sebahagian anggotanya dengan anggota yang lain dan merapatkan perut dengan kedua belah paha. Perbuatan seperti inilah yang disukai pada seorang perempuan ketika ruku', duduk dan pada keseluruhan sembahyang.

Berdasarkan pendapat Imam asy-Syafi'e Rahimahullah itu, maka lebih disukai bagi seorang perempuan ketika bersembahyang merapatkan sebahagian daripada anggotanya seperti merapatkan kedua belah siku dengan rusuk ketika ruku' dan sujud, malahan dalam keseluruhan sembahyangnya. Begitu juga ketika mengangkat kedua tangan pada takbirah alihram dan takbir al-intiqalat iaitu dengan merapatkan kedua belah siku pada rusuk **kerana dengan cara sedemikian akan lebih melindunginya.**

ii. Suara Ketika Sembahyang Jahriyyah Dan Sirriyah

Sunat menjaharkan suara pada tempat-tempat yang disunatkan meninggikan suara iaitu pada sembahyang jahriyyah (yang disunatkan meninggikan suara) dan mengisrarkan suara pada
tempat-tempat yang disunatkan memperlahankan suara iaitu pada sembahyang sirriyah (yang disunatkan merendahkan suara).

Menurut ulama Syafi'eyah perempuan yang sembahyang berseorangan, atau dengan kehadiran perempuan lain atau dengan kehadiran mahramnya sama ada sembahyang berjemaah dengan perempuan-perempuan lain atau bersendirian adalah dibolehkan dia menjaharkan bacaannya (iaitu dalam sembahyang jahriyyah). Sebaliknya jika ada lelaki asing (yang bukan mahramnya) di tempat dia bersembahyang itu, maka hendaklah perempuan itu mengisrarkan bacaannya.

Walau bagaimanapun, jika perempuan itu menjaharkan bacaannya dalam sembahyang jahriyyah dengan kehadiran lelaki asing di tempat dia bersembahyang itu, tidaklah membatalkan sembahyangnya kerana menurut pendapat yang ashah bahawa suara perempuan itu bukanlah aurat. Kadar bacaan jahr bagi perempuan itu perlahan sedikit daripada bacaan jahr bagi lelaki. Menurut al-Bandaniji Rahimahullah bahawa hendaklah bacaan jahr bagi perempuan itu lebih ringan atau perlahan daripada bacaan jahar bagi lelaki.

Adapun bagi khuntsa, hukumnya adalah sama seperti perempuan iaitu hendaklah mengisrarkan bacaan sembahyang dengan kehadiran perempuan bersama lelaki asing dan membaca dengan jahar jika sembahyang berseorangan atau bersama mahramnya.

KELUAR MAZI KETIKA TENGAH SOLAT

Soalan;

Salam Ustaz, semoga ustaz sihat dan di dalam lindungan Allah SWT hendaknya.Saya ada satu masalah untuk disampaikan kepada ustaz mengenai solat. Saya mengidap penyakit yang mana kadang kala air mazi keluar tak semena-mena, dan kadang kala akibat berfikir bukan-bukan. Persoalan saya ialah, jikalau air mazi terkeluar semasa sedang solat, adakah saya perlu menggantikan solat tersebut? Kerana saya bertanya pada abang usrah saya, dia kata, kalau lihat ada selepas solat, takperlu ganti, dan jika terasa was-was semasa solat, lebih baik mengcheck kemaluan selepas solat. Dan adakah jika air mazi itu terkena pada kain pelikat, adakah dengan sejadah-sejadah saya kena basuh sekali? kerana setakat ini, setiap kali perkara ini berlaku, saya membasuh sejadah saya sekali, kerana khuatir takut-takut air mazi terjatuh pada kain sejadah. terima kasih ustaz.

Jawapan;

1. Jika mazi itu benar-benar keluar iaitu dengan kelihatan tanda-tandanya, wajiblah saudara berhenti solat, membasuh kemaluan dan kain yang terkena mazi itu, mengambil wudhuk semula dan mengulangi solat. Mazi adalah najis dengan sepakat para ulamak dan keluar sesuatu dari kemaluan membatalkan wudhuk. Nabi menjawab; "Janganlah ia keluar dari solatnya sehinggalah ia terdengar bunyi (kentut) atau mendapati keluar angin". (Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim).

.2Adapun jika saudara ragu-ragu sahaja ketika sedang solat –yakni timbul syak adakah mazi itu keluar atau tidak?-, tidak perlu saudara berhenti solat hinggalah benar-benar yakin bahawa ianya telah keluar, kerana menurut kaedah "Yang yakin tidak akan hilang kerana suatu syak (keraguan). Kaedah ini bersumber hadis dari 'Ubbad bin Tamim yang meriwayatkan dari bapa saudaranya yang bertanya Nabi s.a.w. tentang seorang lelaki yang ragu-ragu semasa sedang solat; adakah keluar darinya punggungnya sesuatu atau tidak?. Nabi menjawab; "Janganlah ia keluar dari solatnya sehinggalah ia terdengar bunyi (kentut) atau mendapati keluar angin". (Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim).

3. Jika sebaik sahaja selepas selesai solat saudara terlihat mazi pada kain, wajiblah saudara mengulangi solat (setelah membasuhnya dan mengambil wudhuk) kerana kewujudan mazi itu tiada syak bahawa keluarnya ialah semasa sedang solat. Jika setelah beberapa lama (selepas solat) baru saudara ternampak mazi itu, tidak perlulah saudara mengulangi solat kerana ada kemungkinan mazi itu keluar selepas selesai solat.

4. Tempat yang wajib dibasuh ialah yang diyakini terkena mazi. Tidak perlu mengikut perasaan waswas. Sikap melampau-lampau dan memberat-beratkan adalah ditegah agama. Secara logiknya, mazi hanya akan mengenai kemaluan dan kain yang dipakai sahaja, maka itu sahaja yang perlu dibasuh. Kecualilah jika mazi yang keluar terlalu banyak, maka ada kemungkinan ia tumpah mengenai tempat solat. Jika itu berlaku, barulah tempat solat (sejadah) wajib dibasuh sama.

Wallahu a'lam.

MELEWATKAN SOLAT ISYAK DAN MASA SOLAT TAHAJJUD

Soalan :

Assalamualaikum ustaz, Saya sering tidur awal tanpa solat isyak dan saya bangun awal pagi, dalam sekitar pukul 4.30 pagi untuk solat isyak dan terus bersolat tahajud. Saya pernah diberitahu untuk bersolat tahajud, saya perlu solat isyak dan tidur dahulu kemudian bangun semula barulah saya boleh menunaikan solat tahajud, betulkah begitu ustaz dan adakah cara saya melakukan solat isyak beserta solat tahajud itu tidak betul?

Jawapan :

1.Sengaja melewat-lewatkan solat isyak hingga melebihi ½ atau 1/3 malam adalah tidak digalakkan kerana sebaik-baiknya solat dilaksanakan di awal waktu. Lagipun, sebahagian ulamak/mazhab ada yang berpandangan; waktu solat isyak tidaklah berterusan hingga masuk subuh, akan tetapi setakat 1/3 atau ½ malam sahaja. Berdasarkan pandangan ini, sesiapa sengaja melewat-lewatkan solat isyak hingga melepasi sepertiga malam atau separuhnya, ia berdosa kecuali kerana suatu keuzuran. (Sila baca lebih lanjut dalam blog ini; (http://ilmudanulamak.blogspot.com/2009/02/waktu-solat-isyak.html).

2.Adapun hadis yang menceritakan Rasulullah s.a.w. melewatkan solat isyak, maksudnya ialah melewatkannya hingga ke sepertiga malam atau seperduanya sahaja. Ini sebagaimana sabda Nabi s.a.w.;
"Jika tidak kerana bimbang akan memberatkan umatku, nescaya aku akan suruh mereka supaya melewatkan solat Isyak hingga ke sepertiga malam atau separuhnya" (Riwayat Imam at-Tirmizi dari Abu Hurairah r.a.. Menurut Imam at-Tirmizi; hadis ini hasan soheh)

3.Mengenai solat Tahajjud, ia termasuk dalam ibadah malam. Ibadah malam atau Qiyamullail masanya bermula dari awal malam (iaitu selepas isyak) dan berterusan hingga azan subuh. Ia boleh dilakukan sebelum tidur atau selepasnya. Namun yang terbaik ialah melakukannya selepas tidur terutamanya di penghujung malam kerana Rasulullah s.a.w. bersabda;
"Solat paling baik selepas solat fardhu ialah solat di penghujung malam. Puasa yang paling baik selepas bulan Ramadhan ialah puasa di bulan Muharram" (Riwayat Imam Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi dari Abu Hurairah r.a.)

Menurut ulamak, maksud hujung malam dalam hadis di atas ialah sepertiga malam yang akhir. Pada saat itu, Allah SWT turun ke langit dunia sebagaimana sabda Nabi s.a.w.;

"Tuhan kita turun pada setiap malam ke langit dunia ketika masih masih tinggal sepertiganya yang akhir. Ia berkata; 'Mana orang yang berdoa kepadaKu, maka Aku akan perkenankan untuknya doanya. Mana orang yang memohon kepadaku, maka aku akan berikan kepadanya (permohonannya). Mana orang yang meminta ampun dariKu, maka aku akan ampuninya'" (Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a.).

Solat sunat yang dilakukan selepas tidur itulah yang dinamakan tahajjud. Firman Allah s.a.w.;

"Dan pada sebahagian malam, lakukanlah solat tahajjud (sebagai satu ibadah tambahan bagimu, mudah-mudahan Tuhanmu mengangkatmu ke tempat yang terpuji" (al-Isra', ayat 79).

Menurut Imam Ibnu Kathir dalam tafsirnya; "Tahajjud ialah ibadah malam yang dilakukan selepas tidur".

Cara terbaik untuk menghidupkan malam ialah dengan membahagikan malam kepada enam bahagian; tidur di tiga bahagian awalnya (yakni separuh malam), kemudian bangun bertahajjud pada dua bahagian selepas itu dan tidur semula pada satu bahagian yang hujung, iaitu sebelum âzan subuh. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w.;
"Sesungguhnya solat yang paling disukai Allah ialah solat Nabi Daud a.s. iaitu ia tidur separuh malam (yang awal), ia bangun solat sepertiganya dan ia tidur semula di seperenamnya. Puasa yang paling disukai Allah ialah puasa Nabi Daud; ia berpuasa sehari dan ia berbuka sehari". (Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abdullah bin 'Amru r.a.).

Kesimpulannya, untuk melakukan ibadah atau solat malam (solat witir, solat sunat taubah, solat istikharah, solat tasbih, solat sunat mutlak di malam hari, membaca al-Quran, berzikir dan sebaginya) tidaklah disyaratkan tidur terlebih dahulu. Namun jika kita hendak mengambil fadhilat solat malam yang paling baik dan mengikuti kebiasaan Nabi s.a.w., maka digalakkan kita tidur terlebih dahulu dan bangun mengerjakan tahajjud selepas pertengahan malam. Wallahu a'lam.

MAKNA TOMANINAH

Soalan; ustaz,saya ingin bertanyakan tentang tomaninah ustaz.boleh ustaz tolong jelaskan lebih teperin ci apakah itu tomaninah.?

Jawapan;

Tomaninah bermakna memastikan diri tetap, tenang dan tidak tergesa-gesa dalam sesuatu posisi solat sebelum berpindah ke posisi yang lain. Dalam pengertian lain; tomaninah ialah memastikan anggota-anggota badan yang terbabit berada tetap dalam posisinya sebelum berpindah ke rukun yang lain. Contohnya; tomaninah ketika sujud ialah dengan memastikan angota-angota sujud iaitu dahi (beserta hidung bagi sebahagian ulamak), dua tangan, dua lutut dan dua kaki (yakni hujung-hujung jarinya) berada tetap di atas lantai sebelum bangkit dari sujud itu. Sekurang-kurang kadar masa bagi tomaninah ialah kadar masa sekali tasbih. Hukum tomaninah adalah wajib semasa ruku', I'tidal, sujud dan duduk antara dua sujud. Sabda Nabi s.a.w. (tatkala baginda mengajar solat kepada seorang lelaki yang salah dalam mengerjakan solat-nya); "…..kemudian (setelah membaca al-Quran) ruku'lah sehingga kamu tomaninah (tetap dan tenang) dalam keadaan ruku' itu, kemudian bangkitlah dari ruku' hingga badan kamu lurus/tegak berdiri, kemudian sujudlah sehingga kamu tomaninah (tetap dan tenang) dalam keadaan sujud itu, kemudian kamu bangkitlah dari sujud sehingga kamu tomaninah (tetap dan tenang) dalam keadaan duduk (antara dua sujud) itu.

Seterusnya kamu lakukanlah sedemikian pada (rakaat-rakaat) solat kamu keseluruhannya" (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim). Dalam hadis yang lain, Nabi bersabda; "Tidak sah solat seorang lelaki yang tidak menetapkan tulang sulbinya semasa ruku' dan sujud" (Riwayat Imam at-Tirmizi dari Abu Mas'ud al-Badari r.a.. Hadis ini menurut beliau; hasan soheh).

Berkata Imam al-Harrani; "Penyebab paling banyak bagi kerosakan solat kebanyakan orang ialah kerana mereka mengambil mudah dalam mempelajari ilmu tentang tomaninah dan dalam melaksanakannya semasa melakukan rukun-rukun solat" (Faidhul-Qadier, syarah hadis no. 1040).

Walahu a'lam.

Rujukan;

1. Faidhul-Qadier Syarh al-Jami' as-Saghier, hadis no. 154 dan 1040.
2. Fiqh al-'Ibadat, Syeikh Hasan Ayyub, hlm. 163.

MENJADI IMAM BERMAKMUMKAN KANAK-KANAK

Soalan; Ustaz, kebiasaanya saya menunaikan solat secara jemaah bersama-sama isteri saya. Anak-anak saya yang berumur 8, 7 dan 3 tahun juga solat bersama sebagai satu bentuk latihan untuk mereka. Memandangkan isteri saya sekarang tidak berada bersama saya dan anak-anak kerana berkursus, apakah niat yang betul buat saya? Adakah saya kena berniat sebagai seorang imam ataupun niat solat bersendirian kerana walaupun anak-anak saya ikut solat bersama tetapi mereka belum lagi pandai menunaikan solat mengikut cara-cara yang betul? Terima kasih.

Jawapan;

Dalam sebuah hadis, Ibnu 'Abbas r.a. menceritakan; "Aku bermalam di rumah ibu saudaraku Maimunah (isteri Nabi s.a.w.). Tiba tengah malam, Rasulullah s.a.w. bangun melakukan solat malam. Aku pun turut melakukan solat bersama beliau dengan berdiri di sebelah kirinya. Lalu baginda memegang kepalaku dan mengalihkanku ke sebelah kanannya" (Riwayat Imam al-Bukhari, Muslim dan ulamak-ulamak lain). Dalam satu riwayat terdapat lafaz tambahan; "Aku pada ketika itu berusia 10 tahun" (Riwayat Imam Ahmad, soheh).

Hadis ini menunjukkan bahawa harus menjadi imam dengan bermakmumkan kanak-kanak, yakni pahala jamaah terhasil dengannya. Malah, harus berimamkan kanak-kanak yang telah mumayyiz jika bacaan beliau lebih baik dari orang dewasa yang ada. Ini berdalilkan hadis dari 'Amru bin Salamah r.a. yang menceritakan; "Beliau telah menjadi imam kepada kaumnya kerana beliaulah paling banyak menghafal al-Quran di antara mereka. Pada ketika itu umurnya baru enam atau tujuh tahun" (Riwayat Imam al-Bukhari, an-Nasai dan Abu Daud).

Adapun niat; untuk mendapat pahala jamaah imam hendaklah meniatkan di dalam hati menjadi imam. Namun jika ia tidak berniat menjadi imam, sah solatnya dan sah solat makmum di belakangnya kerana menurut ulamak tidak wajib imam berniat menjadi imam, akan tetapi tanpa niat tersebut ia tidak akan mendapat pahala solat berjamaah. Kesimpulannya, niat menjadi imam tidak wajib, namun untuk mendapat pahala solat berjamaah niat itu adalah perlu.

Wallahu a'lam.

Rujukan;

1. al-Wajiz, Dr. Abdul-Aziem Badawi, hlm. 138.
2. Fiqh al-'Ibadat, Syeikh Hasan Ayyub, hlm. 251.

WITIR SEBELUM TIDUR

Soalan; ustaz..saya nak tanya tentang solat witir..adakah kita perlu lakukan solat witir sebelum tidur?

Jawapan;

Waktu solat witir ialah selepas solat Isyak hinggalah azan subuh. Ia harus dilakukan di awal malam (sebelum tidur) atau di hujungnya (selepas bangun dari tidur). Bagi orang yang khuatir tidak terbangun di hujung malam, disunatkan ia menyegerakan witir di awal malam. Bagi orang yang yakin akan bangun, sunat ia menangguhkan witirnya ke hujung malam. Abi Qatadah r.a. menceritakan; Nabi s.a.w. bertanya Abu Bakar r.a.; "Bila masanya kamu melakukan solat witir?". Jawab Abu Bakar; "Sebelum saya tidur". Baginda bertanya pula kepada Umar; "Bila kamu melakukan witir?". Jawab Umar; "Saya tidur terlebih dulu, kemudian baru saya lakukan witir (yakni selepas bangun)". Lalu baginda berkata kepada Abu Bakar; "Kamu telah melakukannya dengan mengambil kepastian (yakni berjaga-jaga takut tidak terbangun)". Kepada Umar pula, baginda berkata; "Kamu telah melakukannya dengan kekuatan (yakni dengan keyakinan bahawa kamu akan bangun)" (Riwayat Imam al-Hakim dan Abu Daud).

Jabir r.a. menceritakan; Nabi s.a.w. bersabda; "Sesiapa dari kamu bimbang tidak terbangun di akhir malam, hendaklah ia melakukan witir sebelum tidur. Sesiapa yang yakin ia akan terbangun di hujung malam, lakukanlah witir di hujung malam. Sesungguhnya bacaan di hujung malam dihadiri oleh malaikat dan ia adalah paling afdhal" (Riwayat Imam Ahmad, Muslim, at-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Kemudian, orang yang telah melakukan witir di awal malam (sebelum tidur), jika ia bangun melakukan solat sunat (tahajjud atau sebagainya) di hujung malam, tidak perlu lagi ia melakukan witir kerana Nabi s.a.w. bersabda; "Tidak ada dua witir pada satu malam" (Riwayat Imam Abu Daud dari Thulq bin 'Ali r.a.). Ini adalah pandangan jumhur ulamak termasuk Imam Syafi'ie, Malik, Ahmad dan sebagainya. Namun ada segelintir ulamak berpandangan; hendaklah ia menggenapkan solat witirnya terlebih dahulu dengan melakukan solat sunat satu rakaat, setelah itu baru ia lakukan solat tahajjud atau sebagainya sebanyak yang ia kehendaki dan kemudian menutupnya dengan melakukan semula solat witir. Pandangan kedua ini datang dari Ibnu 'Umar r.a. dan disokong oleh Imam Ishaq.

Wallahu a'lam.

Rujukan;

1. Syarh as-Sunnah, Imam al-Baghawi, 53-57.
2. Nailul-Autar, Imam asy-Syaukani, 3/45.
3. Fiqh al-'Ibadat, Syeikh Hasan Ayyub, hlm. 293-297.

WAKTU AKHIR SOLAT ISYAK

Soalan; USTAZ, SAYA INGIN BERTANYA BILAKAH SEBENARNYA HABIS WAKTU SOLAT ISYAK? KATAKAN SAYA DENGAN SENGAJA ATAU TAK SENGAJA BANGUN SEBELUM JAM 5 PAGI ATAU PUN SEBELUM MASUK WAKTU SUBOH DAN MENGERJAKAN SOLAT ISYAK, ADAKAH SAH SOLAT SAYA TERSEBUT? HARAP DAPAT USTAZ BERIKAN PENJELASAN DENGAN DISERTAKAN DENGAN HADIS-HADIS YANG BERKAITAN DENGAN PERSOALAN INI. SEKIAN DAN TERIMA KASIH ATAS PENJELASAN YANG AKAN USTAZ BERIKAN.

Jawapan;

Masuk waktu isyak ialah dengan hilangnya mega merah di ufuk barat (yang menandakan tamatnya waktu solat maghrib). Berakhirnya pula ada dua pandangan di kalangan ulamak;

Pertama; sebelum berakhir sepertiga malam. Pandangan ini diutarakan oleh Imam Syafi'e dan Imam Ahmad dan segologan ulamak yang lain.

Kedua; sebelum berakhir separuh malam. Pandangan ini diutarakan oleh Imam Abu Hanifah.

Pandangan pertama berdalilkan hadis dari Buraidah r.a. yang menceritakan penjelasan amali (praktikal) Rasulullah s.a.w. tentang waktu solat. Mengenai solat Isyak, Buraidah r.a. menceritakan; "Pada malam pertama Rasulullah s.a.w. melakukan solat Isyak ketika hilang mega merah di ufuk Barat. Di malam kedua pula baginda melakukannya tatkala malam telah berlalu sepertiganya...Kemudian, baginda menjelaskan; "Waktu solat ialah antara dua waktu tersebut". (Riwayat Imam at-Tirmizi. Kata beliau; hadis ini hasan gharib soheh). Pandangan kedua pula berdalilkan sabda Nabi s.a.w.; "Waktu solat Isyak ialah hingga separuh malam" (Riwayat Imam Muslim, Abu Daud dan an-Nasai dari Ibnu 'Umar r.a.).

Imam Ibnu Qudamah dalam kitabnya al-Mughni telah memadankan antara kedua-dua dalil tersebut di mana beliau menegaskan; "Yang utama (yakni yang afdhal) ialah tidak menangguhkan solat Isyak melebihi sepertiga malam. Namun jika ditangguhkan hingga separuh malam hukumnya adalah harus. Adapun selepas itu adalah waktu darurat..." (al-Mughni, 1/275).

Waktu yang dimaksudkan di atas ialah waktu ikhtiyar (waktu pilihan), iaitu waktu diberi keluasan/kelapangan kepada kita untuk memilih pada ketika mana kita ingin mengerjakan solat dalam jarak waktu tersebut walaupun yang afdhalnya ialah kita melakukannya di awal waktu.

Selepas waktu ikhtiyar tersebut, para ulamak berikhtilaf;

Menurut mazhab Hanbali dan Maliki; selepas waktu ikhtiyar itu ialah waktu darurat yang bermula dari sepertiga atau seperdua malam hinggalan terbitnya fajar (masuk waktu subuh). Maksud waktu darurat ialah harus melakukan solat Isyak pada waktu tersebut (tanpa berdosa) bagi orang yang ada keuzuran. Solat Isyak yang ditunaikan dalam waktu darurat itu masih dianggap tunai (bukan qadha), cuma jika dengan keuzuran tidaklah berdosa dan sekiranya tanpa keuzuran akan berdosalah. Kesimpulannya, menurut mazhab Hanbali dan Maliki; tidak harus kita menangguhkan solat Isyak hingga melepasi sepertiga atau separuh malam tanpa sebarang keuzuran. Di antara bentuk keuzuran ialah;

1. Wanita haid; selepas sepertiga/separuh malam barulah darah haidnya kering.
2. Orang kafir yang baru masuk Islam ketika itu
3. Kanak-kanak yang baru baligh ketika itu
4. Orang gila yang baru sedar dari gilanya ketika itu
5. Tertidur; selepas sepertiga atau separuh malam baru terjaga.
6. Sakit; sembuh selepas waktu tersebut.

Adapun menurut mazhab Syafi'ie; selepas waktu ihktiyar itu ialah waktu jawaz (waktu harus), yakni waktu harus untuk melakukan solat walaupun tidak sebaik waktu ikhtiyar tadi. Jadi, menurut mazhab Syafi'ie; waktu ikhtiyar tadi bukanlah bermaksud waktu pilihan secara mutlak (atau secara keseluruhan) tetapi waktu pilihan yang terbaik berbanding waktu berikutnya (yakni waktu jawaz). Waktu pilihan secara keseluruhan ialah selagi belum terbit fajar (yakni masuk waktu subuh). Mazhab Syafi'ie ini berdalilkan hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud;

"Tidaklah tertidur itu (dianggap) kelalaian. Kelalaian ialah bagi orang yang tidak menunaikan solat (dengan sengaja) hingga masuk waktu solat yang lain" (Riwayat Imam Muslim).

Hadis ini memberi isyarat kepada kita bahawa waktu solat tidak tamat selagi belum masuk waktu solat yang lain. Maka dinisbah kepada Isyak, waktunya berterusan selagi belum tiba waktu subuh. Secara ringkasnya dalam mazhab Syafi'ie, keseluruhan waktu solat terbahagi kepada empat;

Pertama; waktu terbaik, iaitu di awal waktu.
Kedua; waktu ikhtiyar, iaitu hingga sepertiga waktu.
Ketiga; waktu jawaz (harus), iaitu hingga sebelum tamatnya waktu (yakni sebelum masuk waktu solat yang lain kecuali subuh di mana waktu tamatnya ialah sebelum terbit matahari).
Keempat; waktu hurmah (waktu haram), iaitu menangguh solat hingga ke saat terlalu hujung waktu di mana waktu yang masih tinggal tidak cukup untuk menyempurnakan keseluruhan rakaat solat. Solat jika sempat ditunaikan di dalam waktu sekurang-kurangnya satu rakaat maka ia dikira tunai secara keseluruhannya (sekalipun rakaat selebihnya dilakukan setelah habis waktu). Jika tidak sempat satu rakaat maka keseluruhanya dikira qadha'.

Wallahu a'lam.

Rujukan;

1. al-Mughni, Imam Ibnu Qudamah 1/273-278.
2. Syarh as-Sunnah, Imam al-Baghawi, 1/8-12.
3. Mughni al-Muhtaj, Imam al-Khatib as-Syurbini, 1/173.
4. Al-Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah, Syeikh Abdur-Rahman al-Jazairi, 1/168.
5. al-Wajiz, Dr. Abdul-Adziem Badawi, hlm. 66.
6. Fiqh al-'Ibadat, Syeikh Hasan Ayyub, hlm. 100.
7. al-Kifayah Li Zawil-Inayah, Syeikh Abdul-Basit al-Fakhuri, hlm. 56.

MENJAMAKKAN SOLAT KERANA TERDESAK

Soalan; ustaz, exam saya bermula pukul 3ptg. tetapi saya telah sampai pd pukul 330ptg.saya terpaksa memasuki dewan peperiksan dgn segera tetapi saya belum melakukan solat zohor lg. Bolehkah saya melakukan jamak takhir pd kes sebegini ?

Jawapan;

Tidak sepatutnya seorang muslim melewat-lewatkan solat sehingga akhirnya terpaksa melakukannya di luar waktu. Di dalam surah al-Mukminun, Allah menyebutkan antara ciri orang mukmin ialah "Orang-orang yang menjaga solat mereka". Menurut ulamak-ulamak Tafsir; menjaga solat bermaksud; "Menjaga waktunya di samping menjaga perbuatan solat itu sendiri (yakni melakukannya dengan sempurna)". Ibnu Mas'ud menceritakan; Aku pernah bertanya Rasulullah s.a.w.; Apakah amalan yang paling disukai Allah?. Jawab Rasulullah; "Solat di awal waktu" (HR Imam al-Hakim dalam al-Mustadrak. Lihat; Tafsir Ibnu Kathir, surah al-Mukminun, ayat 9).

Namun dalam kes saudara, saya bersangka baik; kemungkinan saudara tidaklah sengaja ingin melewat-lewatkan solat. Saudara mungkin keluar awal dari rumah dan bercadang mengerjakan solat berhampiran Dewan Peperiksaan, namun berlaku situasi yang tidak dapat dielakkan –kesesakan jalan raya, kenderaan rosak dan sebagainya-, menyebabkan saudara tiba lewat dan terpaksa terus masuk ke dalam Dewan Peperiksaan untuk mengelak dari dihalang mengambil peperiksaan. Jika situasi terdesak serupa itu, tidaklah kita menanggung dosa jika berlaku kelewatan solat. Sebagai jalan keluar bagi situasi terdesak seumpama itu, saudara bolehlah berpegang dengan pandangan ulamak sebagaimana berikut;

1. Imam 'Atho', Imam Malik dan Imam Ahmad, Qadhi Husain (bermazhab Syafi'ie), al-Mutawalli (bermazhab Syafi'ie), ar-Ruyani (bermazhab Syafi'ie) dan al-Khattabi, mereka berpandangan; "Diharuskan menjamak solat kerana uzur sakit atau kerana keuzuran-keuzuran lain yang seumpamanya".

2. Imam Ibnu Sirin, Asyhab (bermazhab Malik), Ibnu al-Munzir, al-Qaffal (bermazhab Syafi'ie), asy-Syasyi al-Kabir (bermazhab Syafi'ie) dan Ibnu Syabramah, mereka berpendapat; "Harus menjamakkan solat ketika dalam negeri (yakni tanpa bermusafir) jika ada suatu desakan atau keperluan asalkan tidak dijadikan kebiasaan".

Mereka berdalilkan hadis dari Ibnu 'Abbas yang menceritakan; "Rasulullah s.a.w. telah menunaikan solat Zohor dan Asar dengan menjamakkan (keduaduanya) di Madinah, tanpa sebab ketakutan dan juga tanpa sebab musafir" Dalam riwayat lain; "...tanpa sebab ketakutan dan tanpa sebab hujan". Ibnu 'Abbas ditanya; "Kenapakah baginda melakukan demikian?". Beliau menjawab; "Baginda tidak mahu memberatkan umatnya" (HR Imam Muslim).

Jadi, bagi ulamak-ulamak di atas, menjamakkan solat diharuskan dengan tiga sebab;
1. Kerana musafir
2. Kerana hujan
3. Kerana suatu keperluan/desakan yang berlaku.
Adapun dalam mazhab Syafi'ie, menjamakkan solat tidak diharuskan kecuali kerana musafir dan hujan sahaja.

Wallahu a'lam.

Rujukan;

1. Syarah Soheh Muslim, Imam an-Nawawi, 5/221.
2. Al-Mughni, Imam Ibnu Qudamah, 2/176.
2. Dalail al-Ahkam, juz. 1, hlm. 419-420.
3. Kifayatul-Akhyar, hlm. 141-142.
4. Al-Wajiz Fi Fiqh as-Sunnah Wa al-Kitab al-'Aziz, Dr. Abdul-Aziem Badawi, hlm. 146.

Sumber : Ustaz Ahmad Adnan bin Fadzil